

KESAN APLIKASI BIOCHAR HAMPAS PADI KE ATAS
PERTUMBUHAN DAN HASIL BENDI (*Abelmoschus*
esculentus L. Moench)

YUSRINA BINTI MOHD. YAMIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM PENGETAHUAN TANAMAN
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: Kesan Aplikasi Biochar Hampang Padi ke Atas Pertumbuhan dan Hasil Padi (Oryza sativa L. var. Noreen).

IJAZAH: Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian

SAYA: YUSRINA BINTI MOHD-YAMIN
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: _____

Mengaku membenarkan tesis * (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keseksamaan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh:


NURULAINI BINTI ISMAIL
LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: Kg. Jalan Pelikat,
P.O.Box 26, 89857 Sipitang,
Sabah.

Tarikh: 17/1/2013


(TANDATANGAN PENYELIA)
DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Penyayarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah
(NAMA PENYELIA dan cop)

Tarikh: 18/01/2013

Catatan: - * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak yang berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti atau mana universiti yang lain.




YUSRINA BINTI MOHD. YAMIN

BR09110013

12 Disember 2012

DIPERAKUKAN OLEH

1. Dr. Abdul Rahim Bin Awang
PENYELIA


DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Pensyarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah

2. Dr. Mohamadu Boyie Jalloh

PENYELIA BERSAMA


DR MOHAMADU BOYIE JALLOH


SENIOR LECTURER

SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3. Prof. Madya Haji Mohd. Dandan@Ame

Hj. Alidin

PEMERIKSA I


PROF. MADYA DR. MARKUS ATONG
Pensyarah

Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah


4. Prof. Madya Dr. Markus Atong

PEMERIKSA II

5. Dr. Sitti Raehanah Binti Muhamad

Shalaeh

DEKAN


DR. SITI RAEHANAH MUHAMAD SHALAEH
DEKAN
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UMS KAMPUS SANDAKAN



PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim...

Pertama sekali saya panjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T di atas limpah rahmayNya, maka saya diberikan kekuatan dan iltizam yang tinggi bagi menyelesaikan projek akhir tahun saya ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya, Mohd Yamin bin Haris dan Dayang Binti Amit yang memberi saya sokongan dari segi emosi dan fizikal untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan keperluan yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Dr. Abdul Rahim bin Awang dan Dr. Mohamadu Boyie Jaliloh yang tidak putus memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada saya.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujuhan kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi peringatan terhadap saya dan sokongan dan pendapat mereka sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Hanya Allah S.W.T sahajalah yang dapat membelas jasa-jasa kalian semua. Terima kasih.

ABSTRAK

Satu kajian telah dilakukan ke atas bendi (*Abelmoschus esculentus* L. Moench) varieti B505 (Kacang Bendi Taiwan) dengan memberikan rawatan beberapa cara aplikasi dan kadar biochar yang berbeza. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan aplikasi biochar hampas padi ke atas pertumbuhan dan hasil tuaian bendi, perkembangan akar bendi dan pH tanah. Kajian telah dijalankan di rumah penaung hujan di Sekolah Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Sandakan dari pada September 2012 sehingga November 2012. Dua faktor yang telah dikaji dalam eksperimen ini iaitu cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur ke dalam tanah) pada beberapa kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) yang digunakan. Berdasarkan keputusan kajian, cara aplikasi mencampur biochar ke dalam tanah menunjukkan perbezaan yang nyata bagi pertumbuhan dan pH tanah. Manakala kadar aplikasi biochar, 10 dan 20 tan per hektar biochar menunjukkan perbezaan yang nyata ($p<0.05$) bagi pertumbuhan, perkembangan bendi dan pH tanah. Bagi keputusan interaksi antara kedua faktor yang dikaji, hanya ketinggian pokok (38.90sm), berat basah daun bendi (8.40g) dan pH tanah (pH 8.26) yang mempunyai perbezaan yang nyata ($p<0.05$). Berdasarkan keputusan kajian, aktiviti menabur biochar ke atas permukaan tanah dengan kadar 5 tan biochar per hektar memberi unjuran hasil yang tinggi sebanyak 7.45 tan per hektar berbanding tanpa kadar kawalan dalam penanaman bendi. Daripada kajian ini, petani digalakkan menggunakan 5 tan per hektar biochar yang bukan sahaja memberikan hasil yang tinggi (7.45 tan per hektar) malah memperbaiki kualiti tanah dalam jangka masa yang lama dan menjimatkan kos input.

**Title: Effect of Rice Husk Biochar Application on Growth and Yield of Okra
(*Abelmoschus esculentus* L. Moench)**

ABSTRACT

A study was conducted on okra (*Abelmoschus esculentus* L. Moench) variety B505 (Taiwan Lady's finger) with different methods of applications and rate of biochar. The objective of the study was to determine the effects of rice husk biochar application on growth and yield of okra, okra root development and soil pH. The study was conducted inside a rainshelter at the School of Sustainable Agriculture, University Malaysia Sabah (UMS), Sandakan campus from September 2012 until November 2012. The two factors were application methods of biochar (top dressing and mixing with soil) and application rates of biochar(0, 5, 10 and 20 ton per hectare). Based on the result, application method of mixing biochar with soil showed significant difference for growth, development of okra and soil pH. Application rates of biochar, 10 and 20 ton per hectare showed significant difference ($p<0.05$) on growth and development of okra plants and soil pH. There was significant interaction ($p<0.05$) between biochar application method and application rate on plant height (38.90cm), fruit fresh weight (8.40g) and soil pH (pH 8.26). Based on the study, top dressing biochar with the soil at the rate of 5 tonnes per hectare showed high potential yield of 7.54 tonnes per hectare compared to treatment without biochar. From this study, farmers planting okra are recommended to apply 5 tonnes per hectare of biochar in common farming practice to increases yield (7.45 tonnes per hectare) and improve soil pH in long term and also increase farmers' income.

ISI KANDUNGAN

| Kandungan | Muka surat |
|---|------------|
| PENGAKUAN | ii |
| DIPERAKUKAN OLEH | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| ISI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN | xiv |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Justifikasi | 2 |
| 1.3 Objektif | 3 |
| 1.4 Hipotesis | 3 |
| BAB 2 RUJUKAN KEPUSTAKAAN | 4 |
| 2.1 Bendi | 4 |
| 2.1.1 Nutrisi Bendi | 5 |
| 2.1.2 Penanaman Bendi | 5 |
| 2.2 Iklim di Malaysia | 7 |
| 2.3 Biochar Hampas Padi Dalam Pertanian | 7 |
| 2.3.1 Kesan Biochar ke atas Pertumbuhan Tanaman | 8 |
| 2.3.2 Kesan Biochar ke atas pH tanah | 9 |
| 2.4 Cara Aplikasi Biochar | 10 |
| 2.4.1 Aplikasi Biochar ke atas Permukaan Tanah | 10 |
| 2.4.2 Aplikasi Mencampur Biochar ke dalam Tanah | 11 |
| 2.5 Kadar Aplikasi Biochar | 11 |
| 2.5.1 Lima Tan Sehektar Biochar | 12 |
| 2.5.2 Sepuluh Tan Sehektar Biochar | 12 |
| 2.5.3 20 Tan Sehektar Biochar | 12 |
| 2.6 Perkembangan Akar | 12 |
| 2.6.1 Perkembangan Awal | 13 |
| 2.6.2 Perkembangan Tengah | 14 |
| 2.6.3 Perkembangan Matang | 14 |
| BAB 3 METODOLOGI | 17 |
| 3.1 Lokasi Kajian | 17 |
| 3.2 Bahan-Bahan yang Digunakan | 17 |
| 3.3 Penyediaan Bahan-Bahan | 17 |
| 3.4 Penyediaan Kawasan Kajian | 19 |
| 3.5 Cara Penanaman Bendi | 19 |
| 3.6 Penjagaan Bendi | 19 |
| 3.6.1 Kawalan Serangga Perosak | 20 |
| 3.7 Saiz Plot dan Rekabentuk yang Digunakan | 20 |
| 3.8 Parameter yang Dianalisis | 20 |
| 3.8.1 Pertumbuhan Pokok | 20 |
| 3.8.2 Perkembangan Akar | 21 |
| 3.8.3 Hasil Tuaian Bendi | 21 |

| | |
|---|----|
| 3.8.4 Struktur Tanah | 21 |
| 3.9 Analisis Statistik | 21 |
| BAB 4 KEPUTUSAN | 22 |
| 4.1 Kesan Cara Aplikasi Biochar ke atas Pertumbuhan Pokok Bendi | 22 |
| 4.1.1 Bilangan daun | 22 |
| 4.1.2 Ketinggian Pokok Bendi | 23 |
| 4.1.3 Panjang Akar Bendi | 24 |
| 4.1.4 Berat Basah Daun Bendi | 24 |
| 4.1.5 Berat Kering Daun Bendi | 25 |
| 4.1.6 Berat Kering Akar Bendi | 26 |
| 4.2 Kesan Aplikasi Biochar ke atas Perkembangan Bendi | 26 |
| 4.2.1 Bilangan Hari Bunga Pertama Bendi Mekar | 26 |
| 4.3 Kesan Cara Aplikasi Biochar ke atas Hasil Tuaian Bendi | 27 |
| 4.3.1 Berat Basah Buah Bendi | 28 |
| 4.4 Kesan Cara Aplikasi Biochar ke atas Struktur Tanah | 28 |
| 4.4.1 pH Tanah | 29 |
| 4.5 Kesan Kadar Biochar ke atas Pertumbuhan Pokok Bendi | 29 |
| 4.5.1 Bilangan Daun | 30 |
| 4.5.2 Ketinggian Pokok | 30 |
| 4.5.3 Panjang Akar Bendi | 31 |
| 4.5.4 Berat Basah Daun Bendi | 32 |
| 4.5.5 Berat Kering Daun Bendi | 33 |
| 4.5.6 Berat Kering Akar Bendi | 34 |
| 4.6 Kesan Kadar Biochar ke atas Perkembangan Pokok Bendi | 35 |
| 4.6.1 Bilangan Hari Bunga Pertama Mekar | 35 |
| 4.7 Kesan Kadar Biochar ke atas Hasil Tuaian Bendi | 36 |
| 4.7.1 Berat Basah Buah Bendi | 36 |
| 4.7.2 Unjuran Hasil | 36 |
| 4.8 Kesan Kadar Biochar ke atas Struktur Tanah | 37 |
| 4.8.1 pH Tanah | 37 |
| 4.9 Interaksi Antara Cara dan Aplikasi Biochar Terhadap Pertumbuhan Pokok Bendi | 38 |
| 4.9.1 Ketinggian Pokok | 38 |
| 4.9.2 Berat Basah Daun Bendi | 39 |
| 4.10 Interaksi Antara Cara dan Aplikasi Biochar Terhadap Struktur Tanah | 40 |
| 4.10.1 pH Tanah | 40 |
| 4.11 Unjuran Hasil Buah Bendi | 41 |
| BAB 5 PERBINCANGAN | 42 |
| 5.1 Kesan Cara Aplikasi Biochar Terhadap Pertumbuhan Pokok Bendi | 42 |
| 5.2 Kesan Cara Aplikasi Biochar ke atas Hasil Tuaian Bendi | 42 |
| 5.3 Kesan Cara Aplikasi Biochar ke atas Struktur Tanah | 43 |
| 5.4 Kesan Kadar Biochar ke atas Pertumbuhan Bendi | 43 |
| 5.5 Kesan Kadar Biochar ke atas Perkembangan Bendi | 45 |
| 5.6 Kesan Kadar Biochar ke atas Hasil Tuaian Bendi | 46 |
| 5.7 Kesan Kadar Biochar ke atas Struktur Tanah | 46 |
| 5.8 Interaksi Antara Cara dan Aplikasi Biochar Terhadap Pertumbuhan Pokok Bendi | 46 |
| 5.9 Interaksi Antara Cara dan Aplikasi Biochar Terhadap Struktur Tanah | 47 |

| | |
|-------------------------|-----------|
| BAB 6 KESIMPULAN | 49 |
| 6.1 Kesimpulan | 49 |
| 6.2 Cadangan | 48 |
| RUJUKAN | 49 |
| LAMPIRAN | 55 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Mukasurat |
|---------------|--|------------------|
| 2.1 | Komposisi untuk 100 gram bahagian buah okra. | 6 |
| 3.1 | Jenis-jenis rawatan biochar hampas padi dan kuantiti bagi setiap medium. | 18 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Muka surat |
|---|-------------------|
| 2.1 Corak pertumbuhan akar bendi | 14 |
| 2.2 Perkembangan tengah akar bagi pokok bendi | 15 |
| 4.1 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) ke atas bilangan daun bendi pada minggu ke-8. | 23 |
| 4.2 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) ke atas ketinggian pokok bendi pada minggu ke-8. | 24 |
| 4.3 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) ke atas purata panjang akar bendi. | 24 |
| 4.4 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) terhadap purata berat basah daun bendi (g). | 25 |
| 4.5 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) terhadap purata berat kering daun bendi (g). | 26 |
| 4.6 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) terhadap purata berat kering akar bendi (g). | 27 |
| 4.7 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) terhadap purata bilangan hari bunga pertama bendi mekar. | 27 |
| 4.8 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) terhadap purata berat basah buah bendi (g). | 28 |
| 4.9 Kesan cara aplikasi biochar (atas permukaan tanah dan mencampur dalam tanah) terhadap purata pH tanah. | 29 |
| 4.10 Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap bilangan daun bendi pada minggu ke-8. | 30 |
| 4.11 Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap ketinggian pokok bendi pada minggu ke-8. | 31 |
| 4.12 Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap purata panjang akar bendi (sm). | 32 |
| 4.13 Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap berat basah daun bendi | 33 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.14 | Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap purata berat kering daun bendi. | 34 |
| 4.15 | Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap purata berat kering akar bendi | 35 |
| 4.16 | Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap bilangan hari bunga pertama bendi mekar | 36 |
| 4.17 | Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap purata berat basah buah bendi. | 37 |
| 4.18 | Kesan kadar biochar (0, 5, 10 dan 20 tan per hektar) terhadap pH tanah | 37 |
| 4.19 | Kesan interaksi cara aplikasi dan kadar biochar ke atas ketinggian pokok bendi pada minggu ke-8 | 38 |
| 4.20 | Kesan interaksi cara aplikasi dan kadar biochar ke atas berat basah daun bendi | 39 |
| 4.21 | Kesan interaksi cara aplikasi dan kadar biochar ke atas pH tanah | 40 |
| 4.22 | Unjuran hasil buah bendi | 41 |

SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN

| | |
|--------------------|--|
| % | peratus |
| $^{\circ}\text{C}$ | darjah celsius |
| Ca^{2+} | Ion kalsium |
| Cl^- | Ion klorin |
| CO_2 | karbon dioksida |
| CRD | uji kaji rawak lengkap |
| g | gram |
| kg | kilogram |
| m | meter |
| mg | miligram |
| ml | mililiter |
| mm | milimeter |
| m^2 | meter persegi |
| Na^+ | Ion natrium |
| O_2 | oksiogen |
| sm | sentimeter |
| ABARES | <i>Australian Bureau of Agricultural and Resources Economics and Science</i> |
| APN | <i>Asia Pacific Network on Global Change</i> |
| ANAVA | <i>Analysis of Variance</i> |
| KPK | Keupayaan pertukaran kation |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sektor pertanian kian berkembang di Malaysia dengan menyumbang kira-kira 45% daripada pendapatan negara. Oleh itu, kerajaan telah memperuntukkan pembukaan tanah dengan kerjasama bimbingan daripada Jabatan Pertanian tempatan. Kerjasama yang dilakukan bertujuan memperbanyakkan penanaman tanaman komersial, buah-buahan dan sayur-sayuran. Jabatan pertanian telah diperuntukkan seluas 750 hektar untuk membuka tanah untuk pertanian terutamanya padi pada tahun 2010.

Pada tahun 2008, penghasilan padi seluruh dunia mencatatkan 611 juta ton dan 132 juta ton daripada jumlah tersebut adalah hampas padi (IRRI, 2009). Selalunya, hampas padi ini akan dibuang atau dibakar secara terbuka bersama tanah sawah padi sebelum penanaman seterusnya. Hampas padi ini mengandungi pelbagai nutrien yang baik untuk dijadikan baja seperti kalsium, magnesium, natrium dan sedikit karbon. Oleh itu, para saintis telah menemui cara bagi mengatasi masalah ini dengan membakar hampas padi secara pirolisis.

Penemuan ini amat bersesuaian bagi para pekebun kecil padi dimana hampas padi ini mudah didapati. Pirolisis akan menghasilkan serpihan habuk yang mengandungi bahan karbon yang maksimum pada suhu yang tinggi. Biochar adalah istilah baru yang digunakan untuk menggambarkan arang yang berserbuk halus dan berpori hasil daripada bahan organik atau biojisim pertanian sebagai bahan utama yang diaplikasikan ke atas tanah untuk pertanian. Tambahan pula, kesuburan tanah tidak konsisten selepas penuaian hasil. Para pengusaha ladang akan meningkatkan kesuburan dengan mengaplikasi baja yang mengandungi nutrien diperlukan sebelum memulakan penanaman seterusnya dan aktiviti ini akan diulang untuk penanaman akan datang.

Keadaan ekonomi yang tidak stabil sekarang memberi kesan yang besar kepada beberapa buah negara luar. Di Malaysia, kenaikan harga minyak yang tidak menentu memberi kesan kepada harga makanan asas seperti tepung, gula dan beras. Tidak lupa, harga baja tanaman naik selepas kenaikan harga minyak. Ini mengurangkan pendapatan para petani. Di negara jiran, Indonesia, mereka turut mengalami masalah yang sama mengenai harga input, kesuburan tanah dan pembekal input pertanian. Mereka mengambil inisiatif dengan menggunakan biochar dalam pelbagai jenis penanaman mereka secara meluas.

Biochar sebenarnya telah digunakan secara meluas di Eropah, Afrika dan, Amerika Selatan dan Jepun dalam sistem pertanian mereka. Konsep Biochar ini bermula dari tanah Amazon Basin (ABARES, 2011) yang mana penduduk di sana menggunakan sebagai media penanaman. Ini seiring dengan objektif Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) yang bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti dan daya saingan dan menerokai bidang-bidang baru, memulihara dan menggunakan sumber asli secara mampan. Penggunaan biochar turut disokong oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) berdasarkan impak positif kepada negara, ekonomi dan alam sekitar (Utusan Online, 2009).

Bendi merupakan sejenis tanaman sayuran tropika. Di Malaysia, ia amat popular dimasak bersama daging lembu, ayam ataupun ikan dalam menu masakan kari. Ia juga biasa digunakan hanya dengan direbus dan dimakan dengan sambal belaca. Bendi berkhasiat dan boleh mencengah masalah sembelit jika diamalkan dalam pemakanan. Pokok bendi ini akan terus mengeluarkan buah selepas bunga pertama terhasil dan efektif selepas satu bulan. Tanaman ini bukan jenis bermusim dan mudah dikendalikan.

1.2 Justifikasi

Kesan pemanasan dunia menjadi masalah pada hari ini dengan mempengaruhi perubahan persekitaran yang paling ketara adalah seperti suhu dan paras air laut meningkat dan ais di kutub cair secara besar-besaran. Ini adalah cabaran besar bagi negara tropika dimana keadaan semakin kering dan panas. Kadar luluhawa yang tinggi dan hakisan tanah yang berlaku adalah berpunca dari tanah yang kurang subur dan kekurangan nutrisi. Baja diperlukan untuk mengekalkan kualiti tanah tetapi harga baja yang melambung naik menghadkan penggunaan. Proses penguraian yang cepat berbanding negara yang beriklim sederhana menjadi masalah untuk nutrisi dikekalkan

di dalam tanah. Kewujudan karbon penting untuk air dan pengikatan nutrisi secara tidak langsung memberi kesan kepada hasil tuaian. Apabila sisa tanaman dibakar dalam keadaan tanpa oksigen, karbon ini akan kekal dari lepas ke atmosfera dan dikenali sebagai biochar. Biochar ini lebih stabil berbanding sisa tanaman sebelum diproses dan dijadikan sebagai perapi tanah untuk meningkatkan kualitinya. Kajian biochar telah banyak dijalankan di negara-negara maju, hasil penemuan tanah hitam *Terra Preta* di Amazon menunjukkan kesan positif terhadap tanah dan hasil tuaian selepas penggunaan biochar.

1.3 Objektif

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan aplikasi biochar hampas padi ke atas pertumbuhan dan hasil bendi (*Abelmoschus esculentus* L. Moench)

1.4 Hipotesis

H_0 : Penggunaan biochar yang berbeza dari segi cara dan kadar aplikasi tidak memberi perbezaan kesan yang ketara terhadap perkembangan dan hasil tuai bendi.

H_1 : Penggunaan biochar yang berbeza dari segi cara dan kadar aplikasi memberi perbezaan kesan yang ketara terhadap perkembangan dan hasil tuai bendi.

BAB 2

RUJUKAN KEPUSTAKAAN

2.1 Bendi

Kacang bendi (*Abelmoschus esculentus*) merupakan sejenis tanaman masa singkat dari keluarga Malvaceae yang popular ditanam di India, Afrika Barat dan Brazil. Kacang bendi atau okra ini adalah salah satu tanaman yang ditanam secara meluas di Negeri Johor, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang. Di Johor, seluas 390 hektar ditanam pada tahun 2008 dan di Muar, sebanyak 90 hektar dengan penegeluaran maksimum mencecah 1,620 metrik tan setahun. Pokok okra adalah tanaman yang kurang responsif dengan keadaan tanah, cuaca, pembajaan, serangga perosak dan penyakit.

Bendi mempunyai batang menegak yang boleh mencecah ketinggian sehingga 1 hingga 2 meter. Terdapat lapan kultivar bendi diseluruh dunia, tiga daripadanya telah dikomersialkan untuk dimakan. Okra adalah tanaman semusim yang mempunyai jangka hayat yang tidak diketahui kerana sayur buah ini akan terus mengeluarkan buah selepas penghasilan buah yang pertama. Daunnya yang berwarna hijau, bersilang, berurat serabut dengan permukaan yang berbulu kasar, berbentuk hati untuk bunga tua dan palmenat berjejari untuk bunga muda.

Okra mempunyai bunga jantan dan betina dalam satu pokok (monoecious) dan pendebungaan dilakukan sendiri (DBT, 2011). Bunga yang kekuningan ini mampu menarik serangga seperti lebah datang ke bunga untuk mengambil madu secara tidak langsung menjadi agen pendebungaan dan menyebabkan persilangan genetik berlaku. Selepas fasa pendebungaan lengkap, buah akan kelihatan di celah-celah batang daun secara bersilang. Buah bendi ini berwarna hijau, bersegi, berbulu dan berbentuk silinder dan tirus dihujungnya. Buah ini boleh dituai selepas tiga hingga tujuh hari selepas berlaku. Biji benih akan matang sekiranya buah lambat dituai dan berwarna kelabu kehitaman dengan diameter 3 hingga 6 mm.

Maka, aplikasi baja jenis ini harus dilaksanakan dua minggu sebelum penanaman biji benih atau pemindahan anak pokok dilakukan. Tambahan lagi, tanah yang dicampurkan terlalu bertoksin jika benih dipindah awal. Pertumbuhan dan perkembangan pokok dilaporkan memberi kesan positif selepas biochar diaplifikasi bersama seperti tebu, padi dan jagung di Jepun, Laos dan Indonesia (Asai *et al.*, 2009) dan (Ogawa dan Okimori, 2010).

2.3.2 Kesan Biochar ke atas pH Tanah

Skala pH menunjukkan darjah keasidan. Nilai pH adalah berjulat di antara 1 sehingga 14. pH 1 menunjukkan jumlah asid yang tinggi, diikuti pH 7, iaitu neutral dan pH 8 ke atas adalah alkali. Kebanyakan tanah di kawasan tropika adalah berasid. Ini kerana jumlah aluminium dan ferum dalam tanah adalah tinggi. Tanah di Malaysia mempunyai pH yang rendah iaitu di antara 4.2 hingga 4.8. Tanah yang diperlukan untuk menanam adalah dalam julat neutral di antara 5.0 hingga 7.0. Tanaman hidup dengan subur di tanah yang mempunyai pH tinggi di antara 5.5 hingga 7.5. Tetapi ada beberapa jenis tanaman yang boleh hidup luar dari julat kebiasaan seperti tebu, teh dan jagung.

pH sebenarnya menunjukkan ketumpatan ion H^+ yang berada dalam sampel tanah yang diambil. pH tanah amat penting kerana ia memberi kesan ke atas tanaman seperti ketersediaan nutrient, aktiviti mikrob dan penyakit tumbuhan. Ketersediaan nutrien memainkan peranan penting kepada akar untuk diambil dalam larutan tanah. Ketersediaan ini ditentukan oleh ketumpatan H^+ atau pH tanah. Pada pH 1-6, ion aluminium dan ferum dibebaskan. Warna merah pada tanah seperti tanah liat adalah disebabkan ketumpatan ferum yang tinggi. Pada nilai pH yang tinggi pula, ion kalsium dan magnesium akan dibebaskan (Oluwatoyinbo *et al.*, 2009). Ini disebabkan ion hidrogen (H^+) yang membentuk sebatian dengan ion lain bergantung kepada ketumpatannya di dalam tanah.

pH tanah boleh menjadi faktor utama keseimbangan populasi dan aktiviti organisma tanah. Bakteria dan aktinomis boleh hidup dalam tanah yang sedikit berasid, iaitu dalam nilai pH 5.5 dan ke atas. Mikrob turut membantu dalam proses penitratan dan pengikatan nitrogen. Para agen pengurai ini bekerja dan berkembang dengan baik dalam julat di antara pH 4 hingga 7 (Rousk *et al.*, 2010).

Tumbuhan akan senang diserang dalam keadaan tanah yang berasid. Ini disebabkan nutrient yang diperlukan untuk pertahanan diri tumbuhan diikat dan akar tidak tumbuh dengan sempurna. Sebagai contoh, kalsium diperlukan untuk mengekalkan bentuk sel dinding dengan pembentukan pektin polisakarida matrix. Fungus dan bakteria memasuki tisu tumbuhan dengan penghasilan enzim yang menghakis lamella tengah untuk memudahkan kemasukan bacteria. Sel dinding yang lebih tebal mampu menghalang kemasukan *Erwinia carotovora* terutamanya pada buah kentang.

2.4 Cara aplikasi Biochar

Penggunaan biochar dalam pertanian di Australia dan England Timur terbukti mampu meningkatkan kesuburan tanah sekaligus meningkatkan hasil tanaman. Penggunaan biochar bergantung kepada jenis tanaman yang diusaha sama ada tanaman sayuran, buah-buahan, tanaman komersial atau dagangan seperti getah, kelapa sawit, koko dan lada hitam.

Akar memainkan peranan sebagai bahagian penyerap nutrisi untuk tumbuhan. Setiap tanaman mempunyai jenis akar yang berbeza iaitu akar tunjang atau serabut. Penggunaan biochar dalam tanah adalah bagi memudahkan akar menyerap Cl^- , Ca^{2+} dan Na^+ melalui proses keupayaan pertukaran kation (KPK). Oleh itu, biochar mestilah berada dalam kawasan akar kuaterner. Akar kuaterner adalah akar yang bertanggungjawab untuk menyerap nutrisi untuk seluruh kegunaan bahagian dalam tumbuhan. Bagi bendi, ia mempunyai akar tunjang yang boleh mencecah kepanjangan sehingga 20 sm ke dalam tanah. Aplikasi biochar dipengaruhi beberapa faktor, oleh itu, beberapa cara aplikasi biochar digunakan seperti menabur biochar di atas tanah dan biochar dicampur ke dalam tanah semasa menggembur.

2.4.1 Aplikasi Biochar ke Atas Permukaan Tanah

Biochar boleh diletakkan di atas permukaan tanah bagi tanaman sayur jenis jangka masa singkat seperti tomato, jagung dan cili. Biochar diaplikasikan di antara jarak antara pokok dengan secara taburan. Ini dibuktikan dengan Gathorne-Hardy *et al.* (2008) di mana tiada kehilangan biochar apabila diaplikasi atas permukaan tanah sahaja. Tambahan pula, biochar berguna dalam mengikat nutrisi yang boleh terlarut dan meminimumkan kerosakan racun kepada tanah. Dengan aplikasi biochar ke atas

tanah, ia meminimumkan gangguan mikroorganisma yang menyumbang kepada gumpalan tanah dan keseimbangan tanah (Bronick and Lal, 2005).

Tambahan pula, penggemburan tanah yang maksimum atau kehilangan lapisan tanah yang terdiri daripada daun atau bahagian pokok yang telah reput boleh menyebabkan kehilangan kawasan tadahan karbon yang sedia ada di dalam tanah. Oleh itu, aplikasi biochar ke atas tanah lebih mudah dikendalikan. (Guidelines for The Production and Use of Biochar in Organic Farming, 2010).

2.4.2 Aplikasi Campur Biochar ke Dalam Tanah

